

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN RAKSAKSA PALESTIN

TEMPAT: STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 06 MAR 1990

MASA:

Assalamu alaikum warahmatulahi wabarakatuh dan selamat petang kepada para hadirin sekalian.

Saudara Pengerusi Majlis Yang Berhormat Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim;

Yang dimuliakan dan dihormati Abu Amar Saudara Yassir Arafat Presiden Palestin serta menteri-menteri dan rakan-rakannya yang telah hadir pada petang ini;

Yang Amat Berhormat Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar serta Menteri-menteri;

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin sekalian.

Kita berkumpul pada petang ini untuk memberi penghormatan kepada seorang pejuang yang telah berjuang sekian lama untuk mencapai kemerdekaan bagi bangsa dan negara. Kita anggap lawatan Presiden Palestin Yassir Arafat sebagai satu penghormatan dan penghargaan kepada kita. Kita rakyat Malaysia daripada berbagai kaum telah menurut perjuangan rakyat Palestin dan kita faham akan perjuangan mereka.

2. Sepertimana kita tahu dahulu kita dijajah tetapi sekarang ini kita bebas, bahkan kita tentu faham betapa mereka juga ingin melepaskan diri mereka daripada belenggu penjajah. Tetapi sementara kita berjaya mencapai kemerdekaan 33 tahun dahulu mereka masih lagi dijajah. Perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan adalah satu perjuangan yang hebat yang menyebabkan kematian beribu-ribu daripada rakyat mereka, berpuluh bahkan beratus ribu daripada rakyat mereka telah cedera, yang setengahnya sehingga sekarang ini cedera parah, kehilangan anggota dan lain-lain. Namun mereka masih meneruskan perjuangan mereka untuk mencapai kemerdekaan.

3. Perjuangan mereka adalah perjuangan yang adil. Mereka hanya hendak supaya negara mereka diperintah oleh mereka, bukan untuk menyingkirkan orang lain. Hanya mendapat negara mereka bebas dan diperintah oleh rakyat Palestin, sama ada mereka terdiri daripada orang Arab, ataupun orang-orang Yahudi. Mereka hendak supaya negara mereka menjadi sebuah demokrasi yang mana kerajaan ditentukan oleh rakyat yang terdiri daripada kedua-dua kaum ini. Mereka tidak sama sekali berhajat untuk menindas kaum Yahudi yang ada di negara mereka. Ini sahaja yang dipohon oleh mereka, sama juga dengan perjuangan kita untuk kemerdekaan. Apabila kita

menuntut kemerdekaan tidak menjadi tujuan kita untuk menindas kaum-kaum yang ada di negara kita. Sebaliknya kita hendak supaya semua kaum berganding bahu menolong mendirikan kerajaan berbagai kaum untuk memerintah negara kita. Apakah kesalahan mereka menuntut kemerdekaan bagi diri mereka sehingga mereka tidak diberi penghormatan sama sekali bahkan mereka tidak dilayan oleh kuasa-kuasa tertentu dalam dunia yang menyokong penjajah Israel.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Mereka adalah manusia biasa seperti orang lain juga dan mereka juga mempunyai hak kepada apa yang dikatakan human rights, hak asasi manusia. Malangnya sementara ramai yang memperkatakan tentang human rights ataupun hak asasi manusia, orang yang sama itu tidak mahu memberi human rights ataupun hak asasi mereka kepada orang-orang Palestin. Kenapakah ada penilaian yang berbeza-beza ini. Kenapakah hak mereka tidak diiktiraf sedangkan hak orang lain diberi penghormatan dan disokong. Ramai yang datang ke negara kita dan bercakap berkenaan human rights tetapi mereka yang sama tidak mahu menyebut tentang hak asasi orang-orang Palestin. Ini menunjuk bahawa orang yang memperkatakan human rights ini sebenarnya mempunyai kepentingan tertentu. Kalau kita percaya kepada human rights, maka hendaklah kita beri hak asasi ini kepada semua pihak tanpa mengira sama ada mereka terdiri daripada Yahudi ataupun Arab ataupun Melayu ataupun yang beragama Kristian ataupun yang beragama Islam ataupun yang beragama Yahudi. Tetapi nampaknya ada pilih-pilih. Human rights ini diberi kepada pihak-pihak tertentu sahaja yang lain tidak mempunyai hak.

5. Apakah yang sedang berlaku sekarang di dalam Wilayah Palestin yang telah dijajah oleh pihak Yahudi. Yahudi mengadakan satu pemerintahan yang amat kejam. Setiap hari mereka menyerang rakyat Palestin yang tidak mempunyai senjata. Rakyat Palestin bukan terdiri daripada orang dewasa semata-mata tetapi kanak-kanak juga diserang oleh kerajaan Yahudi, kerajaan Israel. Hari ini lebih daripada seribu orang Palestin telah dibunuh selama 27 bulan Intifadah diadakan di Palestin. Pembangunan negara Palestin, Intifadah telah diadakan selama 27 bulan. Dalam masa 27 bulan ini tentera dan polis Israel telah menyerang orang yang tidak berdosa, orang yang tidak bersenjata, kanak-kanak sehingga yang dalam buaian semuanya telah diserang oleh orang yang bersenjata ini dan dibunuh, dcedera, ditembak dengan peluru, ditembak kononnya dengan peluru getah yang juga boleh membunuh. Digunakan gas pemedih mata, bahkan digunakan chemical weapon terhadap orang yang tidak bersenjata yang cuba menunjuk perasaan mereka untuk mendapat kemerdekaan, itu sahaja yang dibuat oleh mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Kalau kita renongkan, kalaulah apa yang dibuat oleh regim Tel Aviv ini terhadap orang-orang Palestin, dibuat oleh kerajaan Malaysia terhadap rakyatnya di dalam negara kita ini, sudah tentu beribu-ribu orang akan datang mengecam

kerajaan kita kononnya amat zalim sekali. Tetapi ini kita lihat dengan terang, kita lihat di kaca TV bagaimana tentera Israel membunuh orang yang tidak berdosa ini. Tetapi apakah kecaman-kecaman terhadap kerajaan Israel. Tidak ada! Kita tahu bahawa di negara kita walaupun kita memerintah dengan cara tertib mengikut undang-undang masih ada tuduhan bahawa kita ini zalim tidak mengikut peraturan. Kini orang Israel membunuh dengan terang-terang siang dan malam rakyatnya, tetapi tidak ada kecaman, tidak ada kecaman terhadap mereka. Bukan sahaja daripada kumpulan-kumpulan Barat, kumpulan-kumpulan Barat yang sudah tentu tidak begitu suka dengan orang Palestin. Tetapi ada juga di antara kita yang mudah kecam di sini, tetapi tidak mudah kecam orang Israel.

7. Kenapa double standard, kalau kita kecam kezaliman di mana ianya berlaku, dan tidak ada syak bahawa kerajaan Israel adalah satu kerajaan yang sungguh bengis yang sanggup menyerang negara-negara jiran dengan begitu sahaja. Negara-negara jirannya Lubnan, Syria, Iraq, mereka serang dengan secara bebas tidak ada siapa yang berkata. Bahkan ada orang yang membekalkan senjata kepada kerajaan Israel untuk menyerang jiran-jiran mereka. Ini kalau dibuat oleh kerajaan Israel adalah baik. Tetapi perjuangan rakyat Palestin hanya untuk keadilan bukan lebih daripada itu, keadilan untuk meminta kemerdekaan untuk negara mereka sendiri, ini tidak dapat layanan. Ini menunjuk hipokrisi, hipokrisi di kalangan sesetengah pihak yang tidak perlu saya sebutkan, kita tahu siapa mereka. Mereka bercakap berkenaan keadilan, tetapi sebenarnya tidak ada keadilan yang mereka lakukan. Keadilan hanya ada pada mereka, kalau kepentingan mereka tidak terjejas.

8. Sebab itu tuan-tuan dan puan-puan, kita di Malaysia tidak merasa segan-segan memberi sokongan penuh kepada perjuangan rakyat Palestin. Mereka berjuang untuk keadilan, dan sesiapa yang menyokong orang yang berjuang untuk keadilan adalah orang yang adil. Saudara Yassir Arafat bekerja tanpa berhenti, bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah Palestin, beliau juga mengambil berat tentang masalah-masalah pertelingkahan yang lain. Walaupun sudah berat tanggungannya untuk Palestin, beliau cuba menyelesaikan masalah di Lubnan, di mana rakyat Lubnan daripada berbagai-bagai anutan agama berperang sesama sendiri. Baru-baru ini Saudara Yassir Arafat telah berjaya menyelesaikan masalah antara dua kaum yang terdapat di Lubnan. Baru-baru ini saya berada di Lusaka, Zambia untuk menyambut Nelson Mandela, pejuang Afrika Selatan. Di undang bersama ialah Saudara Yassir Arafat. Dalam kesibukan berjuang untuk kemerdekaan ianya masih mempunyai masa untuk pergi melayan dan menghormati seorang lagi pejuang yang menjadi hero kepada dunia yang bebas ini. Pertalian yang rapat terdapat di antara pejuang-pejuang Palestin dan Yassir Arafat dengan pejuang-pejuang ANC di Afrika Selatan yang juga berlawan dengan penindasan. Bersama-sama di Lusaka juga terdapat beberapa tokoh pejuang daripada Afrika, seperti Cysano, Santos, Mugabe, Kaunda dan lain-lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Saya dapati diri saya bersama satu kumpulan manusia yang dicap sebagai terrorist oleh Barat. Orang ini dahulu dicap sebagai terrorist, tetapi tuan-tuan dan puan-puan hari ini terrorist-terrorist ini dihormati oleh semua dunia. Mereka dijemput untuk membuat lawatan-lawatan ke negara-negara Barat sebagai pejuang-pejuang kemerdekaan, melainkan Saudara Yassir Arafat. Kenapakah membezakan antara terrorist yang lain dengan yang ini, yang di belakang ini. Kalau mereka boleh menghormati terrorist macam Mugabe, Cycano, Santos dan lain-lain kenapa tidak menghormati Saudara Yassir Arafat yang juga berjuang untuk kemerdekaan. Tetapi mereka berkata, mereka tidak boleh duduk satu meja dengan Saudara Yassir Arafat untuk berunding menyelesaikan masalah Palestin kerana dia adalah terrorist. Kalau tidak boleh satu terrorist, dengan lain terrorist pun tidak boleh. Tetapi yang lain boleh, tetapi dengan yang ini tidak boleh berunding sama sekali, kerana kononnya terrorist. Siapakah yang sebenarnya terrorist. Yang sebenarnya terrorist ialah kerajaan Israel.

10. Memang benar dalam usaha orang-orang Palestin untuk berjuang untuk kemerdekaan maka terhadap orang-orang civilian Israel yang terbunuh, tetapi itu bukan dirancang oleh high command pertubuhan Pembebasan Palestin, bukan dirancang. Hari ini kerajaan Israel merancang untuk membunuh rakyat Palestin secara terbuka. Siapakah yang terrorist, Israel ataupun Palestin? Malangnya tafsiran terrorist ini juga dipilih-pilih. Di panggilnya terrorist kerana sebab-sebab tertentu, itu yang berlaku. Dan kita amat duka cita dengan hipokrasi yang semacam ini. Apa salahnya untuk menyelesaikan masalah Palestin kalau diadakan rundingan secara terus, secara langsung antara orang yang menuntut kemerdekaan iaitu pemimpin-pemimpin Palestin dengan mana-mana pihak termasuk Israel. Tetapi tidak dibenar berunding. Kalau mereka tidak dibenar berunding, salahkan mereka kalau mereka menggunakan senjata untuk menyelesaikan masalah.

11. Kita percaya bahawa keadilan memerlukan rundingan yang baik. Kita sendiri menuntut supaya soal Kambodia diselesaikan di meja rundingan, bukan melalui peperangan. Demikian juga kita minta supaya perbalahan peperangan antara Iran dan Iraq diselesaikan di meja perundingan. Hari ini juga kita menuntut meminta dunia membenarkan rakyat Palestin melalui pemimpin-pemimpinnya seperti Saudara Yassir Arafat berunding untuk menyelesaikan masalah. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Usaha dibuat untuk meningkatkan bilangan orang-orang Yahudi di Israel. Baru-baru ini dalam perbincangan saya dengan Yasser Arafat beliau memberitahu memberitahu tentang rancangan ini untuk membawa ramai Yahudi-Yahudi daripada Russia untuk masuk duduk di Israel di kawasan orang-orang Arab. Di masa yang sama kononnya sekarang ini negara-negara tertentu sanggup menerima orang-orang Palestin Arab menjadi warganegara mereka. Memberikan visa untuk berhijrah ke tempat lain. Dengan perkataan lain satu usaha yang harus dibuat untuk menambahkan orang Yahudi di Palestin dan mengurangkan orang-orang Palestin. Inilah

yang sedang berlaku, bukan rundingan untuk menyelesaikan masalah, tetapi percubaan untuk menguatkan orang-orang Israel supaya mereka akan terus rakyat Arab yang terdapat di Palestin.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Kita memandang segala perkara-perkara ini dan kita berasa sedih dan kita berasa marah, marah kerana tidak ada justice bagi orang Palestin. Sebab itu kita berhimpun di sini untuk menyatakan secara terang sokongan kita kepada perjuangan ke arah keadilan. Bukan banyak yang kita minta, hanya rakyat Palestin ini mestilah diberi hak untuk menentukan nasib mereka. Pemimpin-pemimpin rakyat Palestin diiktiraf. Tidak guna memungut orang itu dan orang ini semata-mata untuk menjadi alat. Pemimpin-pemimpin sebenar rakyat palestine mesti diberikan pengiktirapan untuk berunding menyelesaikan masalah Palestin. Kita akan mengambil pendirian yang tegas terhadap ini. Seperti mana kita telah mengambil pendirian yang tegas semenjak perjuangan untuk membebaskan Palestin diadakan. Dan kita meminta supaya negara-negara Barat memberi perhatian kepada masalah ini. Kalau mereka mendakwa bahawa mereka adalah orang yang adil belaka yang faham akan rule of law, yang suka akan demokrasi, apa salah menghulurkan demokrasi kepada rakyat Palestin.

13. Itu sahaja yang kita minta. Itu sahaja yang Malaysia ingin lihat, keadilan, demokrasi bukan untuk diri sendiri, tetapi untuk semua pihak. Kita hendak supaya rakyat Palestin merasai demokrasi yang boleh menentukan nasib mereka. Jadi tuan-tuan dan puan-puan, pendirian kita adalah jelas dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah hadir pada hari ini untuk menyatakan sokongan kepada rakyat Palestin. Dan kepada TYT Presiden State of Palestine, Yassir Arafat yang menjadi tetamu kita pada hari ini. Sekianlah sahaja, wabilllahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.